



## **PENGAPLIKASIAN MODEL PENERIMAAN TEKNOLOGI TERHADAP PENGGUNAAN YOUTUBE DALAM KALANGAN ‘GEN Y’**

*Norizah Aripin dan Tuan Marina Tuan Abd Aziz*

Kehadiran media sosial telah membawa kepada perubahan ke arah penyertaan masyarakat secara *online* atau atas talian. Penyertaan masyarakat bukan hanya terjadi di dunia nyata tetapi juga di dunia maya (Ali & Samsudin, 2012). Media sosial telah memberikan impak terhadap penglibatan masyarakat dalam isu semasa. Penglibatan ini meliputi perkembangan isu semasa menerusi *blog*, membentuk kumpulan dalam talian untuk menyampaikan aspirasi, membuat blog tentang isu semasa, memberi komen dalam berita atas talian, artikel/*blog*, mengambil bahagian dalam perbincangan atas talian, memuat turun atau pun menyebarkan berita yang berkaitan dengan isu semasa (Pew Internet 2009; Ali & Samsudin, 2012). *YouTube* merupakan salah satu media sosial yang sangat popular dalam kalangan masyarakat global. Laman sosial *YouTube* ini telah diasaskan oleh Chad Hurley, Steven Chen dan Jawed Karim (Burgess & Green, 2009; Burgess, 2016). *YouTube* merupakan salah satu penyedia layanan video terbesar pada masa kini di mana *YouTube* memiliki banyak manfaat dan kemudahan bagi pengaksesnya. *YouTube* yang membenarkan penggunaannya memuat naik, menonton dan berkongsi klip video (Burgess, 2016).

Statistik dari laman web *YouTube* (2016) menyatakan terdapat berbilion pengguna di *YouTube*. Hampir sepertiga daripada kesemua pengguna Internet menghabiskan jutaan jam menonton video di *YouTube* dan menjana berbilion tontonan setiap hari. *YouTube* adalah teknologi peranti mudah alih dan menjadi pilihan lebih ramai pengguna yang berumur 18-34 tahun dan 18-49 tahun. Jumlah masa

tontonan di *YouTube* telah meningkat sekurang-kurangnya 50% tahun demi tahun selama tiga tahun berturut-turut. Bilangan penonton *YouTube* setiap hari naik 40% tahun demi tahun sejak bulan Mac 2014. Bilangan pengguna yang terus pergi ke halaman utama *YouTube* untuk menonton video, sama seperti cara mereka menghidupkan televisyen untuk menonton sesuatu rancangan dan melonjak lebih tiga kali tahun demi tahun. Menurut Meyerson (2010), 72 jam durasi video telah dimuat naik di *YouTube* setiap minit. *YouTube* bukan sahaja menyediakan kemudahan kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat tetapi ia mendorong pengguna untuk menyumbang dan berkongsi idea mereka melalui video. Berdasarkan statistik ini, *YouTube* sangat popular dalam masyarakat global pada zaman ini. Berdasarkan kajian lepas, *YouTube* merupakan medium media sosial yang memberikan kemudahan kepada penggunanya untuk memuat naik, menonton dan berkongsi klip video. Selain itu, *YouTube* berperanan memberikan maklumat dan pengguna berkongsi maklumat melalui video yang dimuat naik dalam *YouTube*.

### **‘Gen Y’, Telefon Pintar dan *YouTube***

Apabila Internet dan teknologi telefon pintar menjadi semakin maju maka media sosial juga semakin berkembang pesat. Laman-laman yang menyediakan media sosial atas talian membolehkan pengguna atau ahli-ahlinya membentuk tanggapan atau impresi, mengekalkan hubungan, dan memperoleh hubungan baharu (Tom Tong, Van Der Heide & Langwell, 2008). Kini, dengan hanya menggunakan telefon pintar individu boleh mengakses *YouTube* ataupun *Twitter* pada bila-bila masa sahaja (Luik, 2010). Kemampuan untuk mengakses media sosial melalui aplikasi telefon pintar merupakan faktor mendorong dalam kejayaan media sosial. Ini kerana ia memiliki kualiti capaian yang maksimum walaupun diakses melalui telefon pintar. Menurut statistik dari laman *YouTube* (2017) pengguna *YouTube* melebihi 1 bilion seluruh dunia. Setiap hari, berjuta pengguna melayari *YouTube* dan berbilion menonton *YouTube*. Pengguna *YouTube* terdiri